

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hutang 1MDB dan SRC International yang perlu dibayar oleh Kerajaan pada tahun 2021 dan nyatakan sumber kewangan yang akan digunakan bagi tujuan pembayaran hutang tersebut

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan situasi kewangan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) yang kritikal berikutan skandal dan penyelewengan yang dihadapi, kedua-dua syarikat tersebut kini tidak lagi beroperasi secara aktif dan tidak mampu untuk memenuhi obligasi pembayaran hutang yang dijamin oleh Kerajaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bagi 1MDB, jumlah keseluruhan baki hutang 1MDB (prinsipal dan faedah) pada 31 Oktober 2020 adalah sebanyak RM40.87 bilion manakala jumlah hutang 1MDB yang perlu dibayar pada tahun 2021 adalah sebanyak **RM1.705 billion** yang melibatkan bayaran faedah/kupon bagi 3 bon dan 1 sukuk terbitan 1MDB dan anak syarikatnya. Jumlah ini adalah berdasarkan andaian kadar tukaran wang asing pada RM4.20 bagi setiap USD1.00. Pembayaran balik hutang 1MDB bagi tahun 2021 ini akan dibuat dengan menggunakan dana pemulihan aset 1MDB dan peruntukan kewangan Kerajaan.

Bagi SRC pula, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) telah bersetuju untuk menstrukturkan semula kemudahan pembiayaan yang telah diberikan kepada SRC berjumlah RM4 billion berkuat kuasa mulai tahun 2020 untuk tempoh sehingga 28 Mac 2022. Jumlah baki pinjaman setelah penstrukturkan semula adalah RM3.67 bilion yang merangkumi prinsipal dan faedah pinjaman. Bagi tahun 2021, jumlah pembayaran yang dijadualkan kepada KWAP adalah sebanyak **RM1.567 billion** merangkumi pembayaran prinsipal sebanyak RM1.5 bilion dan pembayaran faedah sebanyak RM67.1 juta yang akan dibayar melalui peruntukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.